



02 APR, 2026

## Penggunaan dengan kadar 600kWj kekal nikmati pengecualian AFA

Berita Harian, Malaysia



# Penggunaan dengan kadar 600kWj kekal nikmati pengecualian AFA

**Kuala Lumpur:** Pelanggan domestik yang kadar penggunaan elektrik bulanan sebanyak 600 kilowatt jam (kWj) dan ke bawah, akan terus menikmati pengecualian daripada Mekanisme Pelarasan Kos Bahan Api Secara Automatik (AFA).

Manakala isi rumah di Semenanjung yang menggunakan lebih daripada 600kWj sebulan (bil melebihi RM215.98) boleh menjangkakan yang mereka perlu membayar lebih untuk penggunaan elektrik bulan ini berikutan pengurangan rebat.

Berdasarkan perkongsian di sawang Tenaga Nasional Berhad (TNB), pelanggan bawah 600kWj juga akan terus menikmati pengecualian Caj Peruncitan dan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) pada kadar lapan peratus.

Selain itu, pelanggan domestik yang penggunaan elektrik bula-

nan 300kWj dan ke bawah sebulan, menerima pengecualian daripada Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu (KWTBB).

“Kadar AFA tertera setiap bulan dalam bil elektrik, sekiranya terdapat perubahan pada harga pasaran bahan api dan kadar pertukaran mata wang asing.

“Pengisytiharan kadar AFA (dalam unit sen/kWj) adalah berdasarkan pengesahan Suruhanjaya Tenaga (ST) atau pemakluman rasmi melalui keputusan menteri,” katanya.

Mekanisme AFA mengira kos bahan api diperlukan untuk menjana elektrik berdasarkan harga pasaran dan kadar pertukaran asing, selain kadar berkenaan dikemas kini setiap bulan.

Memperincikan kadar AFA, TNB dalam perkongsian sama memaklumkan, rebat AFA akan dikurangkan daripada RM2.15 seti-

ap kWj kepada RM0.47 setiap kWj, mulai 1 hingga 30 April ini.

TNB juga mengunjurkan rebat AFA ditetapkan pada kadar RM0.39 setiap kWj antara 1 hingga 31 Mei ini, manakala antara 1 hingga 30 Jun (RM0.91 kWj) serta antara 1 hingga 31 Julai (RM0.08 kWj).

Berdasarkan kalkulator bil TNB, pelanggan domestik (am) yang penggunaan elektrik bulanan 300kWj pada April ini, perlu membayar RM65.79, selepas menikmati pengecualian AFA, SST dan KWTBB.

Biarpun masih menikmati pengecualian kadar AFA dan SST, pelanggan domestik (am) yang penggunaan elektrik bulanannya 600kWj bagi tempoh sama perlu membayar RM215.98, termasuk 1.6 peratus kadar KWTBB, manakala penggunaan 601kWj (RM233.52).